



UiTM@Media **2016**

Gemilang Alumni



UiTM@Media
2016

Perintis Google Street View Malaysia

Nhazlisham melakar nama negara di peta dunia



Ingin merasai berada di puncak gunung, di tengah lautan, di dalam hutan, kawasan perkampungan mahupun di tengah-tengah kesibukan ibu kota bandar raya di negara ini? Kini dengan adanya aplikasi *Google Maps Street View Malaysia*, anda boleh menikmati suasana tersebut secara maya.

Di sebalik koleksi pemandangan yang mengagumkan dalam Street View ini, ia adalah hasil kerja anak tempatan yang berkhidmat dengan Google Malaysia. Personaliti *Kampus Legend* yang ditampilkan kali ini ialah Nhazlisham Hamdan yang kini menyandang jawatan Ketua Operasi Street View Malaysia, Indonesia dan Thailand.

Nhazlisham menyertai syarikat gergasi ini sejak 2012, iaitu setahun selepas Google bertapak di Malaysia. Empunya diri berasa bertuah kerana berkhidmat di Google khususnya *Street View* yang sangat istimewa dan menyeronokkan. Apatah lagi Google merupakan syarikat impian ramai untuk bekerja.

Sebelum ini, beliau merupakan

akauntan berpengalaman selama 10 tahun dan menjadi ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA). Kini kerjaya beliau banyak melibatkan aktiviti di luar, meneroka tempat pelancongan dan menarik bersama *Street View*.

"Sebenarnya saya tidak terfikir untuk berubah angin dalam bidang kerjaya. Malah sewaktu saya dipanggil temu duga sehingga ke peringkat tiga, barulah saya tahu tawaran jawatan pengurus projek itu datang dari Google.

"Sebelum ini, Malaysia tidak mempunyai imej *Street View* di *Google Map*. Saya perlu bermula dari bawah dan memastikan semua berjalan lancar. Tugas penting saya dalam menguruskan *Street View Malaysia* dari A hingga Z termasuk penyediaan bajet, kesediaan kerja, kelulusan, mengendalikan pasukan sendiri

"Alhamdulillah, koleksi kita makin bertambah dan tersenarai dalam *Street View* dari 68 negara di seluruh dunia. Kami menggunakan kereta untuk membuat penggambaran di 90 peratus kawasan jalan awam di seluruh Semenanjung, manakala 80 peratus kawasan di Sabah dan Sarawak yang bentuk muka bumi tidak sekata. Trekker pula digunakan untuk kawasan yang

BERSAMBUNG
DI SEBELAH

tidak boleh dilalui oleh kereta,” ujar beliau yang mengendalikan tiga negara dan berulang alik mengikut keperluan.

CABARAN BEKERJA

Anak kelahiran Tangkak, Johor ini berkata, sebagai orang Malaysia, tidak semua tempat yang dapat dikunjungi. Apabila bekerja dengan Street View, ini membolehkan beliau dan pasukannya untuk mengambil gambar di segenap pelosok negara.

“Kerjaya saya dari segi teknikal, pergi buat kerja sambil menjelajah ke tempat-tempat menarik. Mereka yang terlibat dalam kerja *Street View* perlu ada ketahanan fizikal dan mental.

“Individu itu juga perlu pandai berdikari, dan bijak membuat keputusan, serta mematuhi peraturan dan panduan syarikat. Pada masa sama, keselamatan warga kerja menjadi keutamaan Google,” katanya yang gemar aktiviti luar seperti mendaki gunung, menyelam dan abseiling.

Nhazlisham akui tugasnya itu tidak terlepas daripada cabaran bekerja. Beliau perlu berurusan dengan pihak berkuasa, pemilik dan individu tertentu untuk mendapatkan kebenaran ke lokasi, di samping mengendalikan peralatan dan logistik. Di Malaysia, kata beliau, *Street View* dibenarkan beroperasi.

“Sebagai ketua, saya bersikap terbuka menerima pandangan daripada ahli kumpulan. Apa



BERSAMBUNG
DI SEBELAH

yang penting baginya adalah hasil kerja yang baik melalui kerjasama semua pihak. Bilangan krew yang terlibat dalam penggambaran mengikut lokasi berbeza.

"Tekanan bekerja bagi saya sebagai cabaran untuk menjadikan diri lebih baik dan positif. Jika sesuatu berlaku di luar perancangan," ujar pasangan kepada Roziana Mohd Ismail, 35.

Bapa kepada tiga anak ini berpendapat koleksi gambar terbaik setakat ini di Google Malaysia adalah pemandangan di puncak Gunung Kinabalu. Keadaan cuaca yang kurang berawan dan kabus ketika itu

memudahkan penggambaran. Beliau tidak menolak kemungkinan pihak Street View akan merakam gambar terbaru selepas berlaku gempa bumi.

MINATI KERJAYA

Bercerita latar belakang diri, Nhazlisham dibesarkan di Cheras sejak usianya dua tahun. Pencapaian beliau dalam pembelajaran menyerlah di sekolah apabila mendapat Anugerah Pelajar Terbaik di sekolah hampir setiap tahun dari darjah satu hingga tingkatan lima.

Anak kepada pasangan Hamdan Md Saman dan Rokiah Duana ini memulakan persekolahan darjah satu di Sekolah Rendah La Salle Jalan Peel sebelum meneruskan persekolahan tingkatan

empat di Sekolah Menengah Sains Tengku Abdullah, Raub, Pahang. Selepas itu, beliau melanjutkan



Bersama keluarga yang jadi pendorong kejayaan Nhaz.

BERSAMBUNG DI SEBELAH

pengajian di Universiti Teknologi Mara (UiTM) di peringkat Ijazah Sarjana Muda Perakaunan.

“Cara saya belajar dengan memberi tumpuan sepenuhnya di dalam kelas. Subjek paling diminati ialah fizik dan matematik. Saya mengagumi dan menghargai jasa ibu bapa dan cikgu. Tanpa mereka, saya tak mungkin jadi

seperti sekarang.

“Apabila memasuki dunia kampus, saya tidak banyak melibatkan diri dalam aktiviti berpersatuan, tetapi lebih berminat dalam sukan terutamanya bola sepak dan aktiviti luar kampus.

“Sejak kecil saya berinspirasi hendak menjadi orang berjaya. Ilmu bukan jaminan tapi penting sebagai batu loncatan untuk pergi jauh. Oleh itu saya belajar bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat saya.

“Jika kita bersikap terbuka, berfikiran positif dan sentiasa bersedia menghadapi cabaran, pasti boleh menghasilkan tugas terbaik. Walaupun tak pernah buat, saya akan cuba lakukan. Saya tidak memandang kelulusan akademik harus selari dengan bidang kerja.”

Berkongsi inspirasi bersama golongan mahasiswa, Nhazlisham berkata pengalaman hidup dari kecil hingga besar perlu disesuaikan untuk menjadi insan berguna. Kata beliau, kita perlu buat apa yang kita minat. Dalam bekerja ada pelbagai cabaran. Jika tidak minat bidang yang diceburi, ia akan menjadi tekanan.

“Kejayaan saya secara peribadi di Google Malaysia apabila pasukan kami berjaya membuat koleksi *Street View* menggunakan trekker yang dipasang di atas kayak. Ia merupakan pencapaian pertama menggunakan kayak di dunia sewaktu merakam persisiran pantai Semenanjung bermula dari Kelantan ke Johor, kemudian ke Langkawi.

“Sebagai menghargai jasa pasukan *Street View* Malaysia, diharap pengguna boleh memanfaatkan aplikasi *Google Map Street View*,” katanya yang berpegang kepada falsafah *work hard, play hard*.

BIODATA

Nama: Nhazlisham Hamdan

Umur: 40

Asal: Johor

Nama Isteri: Roziana Mohd Ismail

Anak: 3

Pendidikan: Ijazah Sarjana Muda Perakaunan dari UiTM/ ahli Institut Akauntan Malaysia (MIA)

Pengalaman bekerja: Pengalaman 10 tahun bidang perakaunan. Kini bertugas di Google Malaysia sejak lima tahun lalu.

Trivia

-*Google Street View Trekker* – Peranti kamera seberat 20 kg dan setinggi 90 cm digunakan dalam *Street View* untuk mengambil gambar pemandangan 360 darjah. Ia dibawa dengan menggunakan beg sandang, kereta, basikal, troli atau motosikal.

- **Penasihat**

Profesor Emeritus Dato' Dr Hassan Said
Naib Canselor

- **Ketua Projek**

Alfina Bakar

- **Pengurus Produksi**

Darus Kasim
Rosly Mahmud

- **Penyelaras Bahan Akhbar**

Firdaus Abd Hanan
Hanisah Yacob
Datin Umminaljah Salleh

- **Pembantu**

Penyelaras Bahan Akhbar

Hazizi Jantan
Nor Azlina Nordin
Samsinah Selamat
Raja Nazrul Raja Hisham

- **Pereka Grafik Utama**

Junaidy Talib

- **Pereka Grafik**

Rosdi Abdul Hamid
Mohd Nor Firdaus Mohd Isa

- **Sumber Keratan Akhbar**

Utusan Malaysia, Mingguan Malaysia, Berita Harian, Berita Minggu,
New Straits Times, The Star, Sunday Star, The Sun, Star Metro,
Kosmo, Harian Metro, Sinar Harian.

